

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani naungan politik dalam perkhidmatan awam dan untuk memastikan promosi berdasarkan merit.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kenaikan pangkat seseorang pegawai awam dilaksanakan berasaskan merit. Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai, elemen atau pengaruh politik sememangnya tidak diambil kira oleh sesebuah Lembaga Kenaikan Pangkat. Antara perkara yang dinilai adalah seperti berikut:

- (a) kecekapan dan prestasi kerja;
- (b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman;

**NO. SOALAN : 34**

- (c) sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, potensi dan kepimpinan; dan
- (d) kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada negara dan masyarakat.

2. Selain itu, seseorang pegawai juga hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika pegawai tersebut telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu.

3. Pengaruh politik terhadap urusan kenaikan pangkat seseorang pegawai awam sebenarnya sudah dapat dielakkan melalui pelaksanaan urusan berkenaan berdasarkan peraturan-peraturan sedia ada yang berkuatkuasa termasuklah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012], Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 2010 [P.U.(A) 75/2010] dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.